

**KAJIAN TAHAP KEMAMPUAN MENGURUS
INTEGRASI KOMPUTER DALAM KALANGAN
GURU-GURU SEKOLAH BESTARI DI NEGERI
SABAH**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



JIMMY UDAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGESAHAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah jelaskan sumbernya.

JIMMY UDAN
PS04-006(K)-041
23 Mac 2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia saya, Tn. Haji Abdul Said Bin Ambotang kerana banyak membimbing dan memberikan bantuan dalam usaha untuk menjayakan penulisan ini. Tidak lupa diucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Salleh Abdul Rashid atas bantuan idea dalam penulisan ini. Selain itu, diucapkan terima kasih kepada Pengetua SMK Pengiran Omar, SMK Elopura, SMK Tenom, Sekolah Menengah Sains Kota Kinabalu, Sekolah Menengah Sains Laha Datu dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini kerana telah memberi kerjasama sehingga kajian ini selesai. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada isteri dan anak-anak tersayang serta rakan-rakan atas dorongan dan nasihat yang diberikan.

Akhir kata semoga kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan.

Sekian,



JIMMY UDAN
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Kota Kinabalu.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK


KAJIAN TAHAP KEMAMPUAN MENGURUS INTEGRASI KOMPUTER DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH BESTARI DI NEGERI SABAH

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat tahap kemampuan mengurus integrasi komputer dalam kalangan guru-guru Sekolah Bestari di negeri Sabah. Seramai 120 guru-guru dari 5 buah Sekolah Bestari telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kaedah kajian adalah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Penganalisan data dilakukan dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi seperti mencari kekerapan, peratusan, min, ujian-t, Ujian ANOVA Satu-Hala dan Pearson. Ujian-t untuk mengenal pasti perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan jantina guru. ANOVA Satu-Hala digunakan untuk mencari perbezaan dari segi umur, pengkhususan, status jawatan dan pengalaman mengajar. Pekali Pearson digunakan untuk mencari hubungan antara faktor latihan dengan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer masih pada tahap sederhana ($\text{min}=2.77$). Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer dari segi jantina, umur dan pengalaman mengajar guru. Sementara itu dapatan menunjukkan tidak wujud perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer dari segi pengkhususan dan status jawatan guru. Terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan ($r = .640, p = .000$) antara faktor latihan dengan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer dalam kalangan guru-guru Sekolah Bestari Sabah.

ABSTRACT

A STUDY TO DETERMINE THE COMPETENCE LEVEL OF TEACHERS IN CONDUCTING COMPUTER INTEGRATION IN SABAH SMART SCHOOLS


The main purpose of this study is to determine the competence level among teachers who are teaching in smart schools around Sabah in conducting computer integration. 120 teachers derived from 5 smart schools participated in this study. A survey was conducted using a questionnaire. The data was analysed using descriptive statistics and inference to find out frequency, percentage, mean, T- test, One-Way ANOVA and Pearson. T-test was conducted to determine the mean difference between the competence level of teachers in conducting computer integration and gender. One-Way ANOVA was used to find out the difference in age, option, position and teaching experience. Pearson Correlation test was used to determine the correlation between course factor and competency level in conducting computer integration. The findings show that the level of competency in computer is at a moderate level (mean= 2.77). Findings also showed that there is a difference in the level of competency from the factor of gender, age and teaching experience. On the other hand, findings showed that there is no difference in level of competency in conducting computer integration with option and position of the teacher. There is a positively strong and significant relation ($r = .640$, $p = .000$) between course factor and the level of competency in conducting computer integration among teachers who are teaching in Smart Schools in Sabah.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

ANOVA	: <i>Analysis of Variance</i>
BPPT	: Bimbingan Perguruan Profesional dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi
CAI	: <i>Computer Assisted Instruction</i>
CMI	: <i>Computer Managed Instruction</i>
CBI	: <i>Computer Based Instruction</i>
ICT	: <i>Information and Communication Technology</i>
JPN	: Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	: Kementerian Pelajaran Malaysia
LCD	: <i>Liquid Crystal Display</i>
P&P	: Pengajaran dan Pembelajaran
PPBK	: Pengajaran-Pembelajaran Berbantuan Komputer
SPSS	: <i>Statistical Package for Social Science</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINGKATAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv

muka surat

BAB1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	1
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	8
1.7	Definisi Operasional	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Batasan Kajian	11
1.10	Kesimpulan	11

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi Konsep	12
2.3	Komputer Dalam Pendidikan	13
2.3.1	Latarbelakang Teoretikal	13
2.3.2	Peranan Komputer Dalam Pendidikan	14
2.4	Integrasi Komputer Dalam P & P	15
2.5	Dapatan Kajian Terhadap Kesan Penggunaan Komputer	18
2.5.1	Kesan Penggunaan Komputer Kepada Pelajar	20
2.5.2	Kesan Penggunaan Komputer Kepada Guru	24
2.5.3	Kesan Penggunaan Komputer Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran	24

2.6	Kajian Terhadap Literasi Komputer Mengikut Jantina, Umur, Pengalaman dan Latihan	25
2.6.1	Jantina	25
2.6.2	Umur	27
2.6.3	Pengalaman	28
2.6.4	Latihan Komputer	28
2.7	Peranan Pengetua Dalam Integrasi Komputer	29
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.9	Kesimpulan	33

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Populasi dan Persampelan	35
3.4	Lokasi Kajian	36
3.5	Instrumen Kajian	36
3.6	Kajian Rintis	37
3.7	Prosedur Kajian	39
3.8	Analisis Data	39
3.8.1	Min dan Sisihan Piawai	41
3.8.2	Ujian- t	41
3.8.3	Ujian ANOVA Satu-Hala	41
3.8.4	Analisis Korelasi	42
3.9	Jangka Masa Kajian	44
3.10	Kesimpulan	44

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	45
4.2	Ciri-Ciri Demografi Responden	45
4.2.1	Jantina	45
4.2.2	Umur	46
4.2.3	Pengkhususan	46
4.2.4	Status Jawatan	47
4.2.5	Pengalaman Mengajar	47

4.3	Dapatan Hasil Kajian Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer	48
4.3.1	Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer dan faktor latihan	48
4.3.2	Perbandingan Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Guru-guru Sekolah Bestari mengikut Jantina	49
4.3.3	Perbezaan Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Umur Guru-guru Sekolah Bestari	51
4.3.4	Perbezaan Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Pengkhususan Guru-guru Sekolah Bestari	53
4.3.5	Perbezaan Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Status Jawatan Guru-guru Sekolah Bestari	54
4.3.6	Perbezaan Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru-guru Sekolah Bestari	55
4.3.7	Hubungan Faktor Latihan dengan Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Guru-guru Sekolah Bestari	56
4.4	Rumusan Dapatan Kajian	57
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	59
5.2	Ringkasan Kajian	59
5.3	Perbincangan	60
5.3.1	Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Dalam Kalangan guru-guru Sekolah Bestari Mengikut Jantina	60
5.3.2	Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Bestari Mengikut Umur	61

5.3.3	Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Bestari Mengikut Pengkhususan	61
5.3.4	Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Bestari Mengikut Status Jawatan	62
5.3.5	Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Bestari Mengikut Pengalaman Mengajar	62
5.3.6	Faktor Latihan	63
5.4	Rumusan dan Implikasi Kajian	63
5.5	Cadangan-cadangan Untuk Mempertingkatkan Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer	67
5.6	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	69
5.7	Kesimpulan	71
BIBLIOGRAFI		73-79
LAMPIRAN		
A Borang Soal Selidik		
B Surat Kebenaran Kajian		
C Data Analisis yang dicetak daripada SPSS 11.5		

SENARAI JADUAL

Mukasurat

	Tajuk	
Jadual 3.1	Kebolehpercayaan Item Dalam Kajian Rintis Untuk Semua Item	38
Jadual 3.2	Skala Tahap Penilaian	40
Jadual 3.3	Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Guru-Guru Sekolah Bestari Negeri Sabah	40
Jadual 3.4	Kaedah Statistik Dalam Penganalisaan Data	42
Jadual 3.5	Nilai Pekali (r) Menunjukkan Kekuatan Hubungan Dua Pembolehubah	43
Jadual 4.1	Responden Mengikut Jantina	45
Jadual 4.2	Responden Mengikut Kategori Umur	46
Jadual 4.3	Responden Mengikut Pengkhususan	46
Jadual 4.4	Responden Mengikut Status Jawatan	47
Jadual 4.5	Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	48
Jadual 4.6	Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer, Faktor Latihan dan Faktor Sokongan Pengurusan Staf Guru-guru Sekolah Bestari	49
Jadual 4.7	Perbezaan Min Tahap Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Jantina	50
Jadual 4.8	Ujian-t Bagi Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Guru-guru Sekolah Bestari di Sabah	51
Jadual 4.9	Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Kumpulan Umur Guru-guru Sekolah Bestari	51
Jadual 4.10	ANOVA Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan umur Guru-guru Sekolah Bestari	52
Jadual 4.11	Perbandingan Berganda Tukey HSD Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Guru-guru Sekolah Bestari Mengikut Umur	53
Jadual 4.12	Min Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Pengkhususan Guru-guru Sekolah Bestari	53

Jadual 4.13	ANOVA Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Pengkhususan Guru-guru Sekolah Bestari	54
Jadual 4.14	ANOVA Perbezaan Min Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Status Jawatan Guru-guru Sekolah Bestari	55
Jadual 4.15	Min Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru-guru Sekolah Bestari	55
Jadual 4.16	ANOVA Perbezaan Min Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru-guru Sekolah Bestari	56
Jadual 4.17	Hubungan Antara Faktor Latihan dengan Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Guru-guru Sekolah Bestari Sabah	57
Jadual 4.18	Ringkasan Hasil Dapatan Kajian Tahap Kemampuan Mengurus Integrasi Komputer Guru-guru Sekolah Bestari Sabah.	57



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tajuk

Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	32
-----------	----------------------------	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini dibincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif dan hipotesis kajian, definisi operasional, kepentingan kajian dan batasan kajian.

1.2 Latar belakang

Penggunaan teknologi komputer dalam bidang pendidikan mula diperkenalkan di Amerika Syarikat dan United Kingdom sejak tahun 1960-an. Sejak awal tahun 1980-an sekolah-sekolah di Malaysia mula menggunakan mikrokomputer. Pada peringkat awal terdapat Lebih kurang 300 buah sekolah menengah telah menubuhkan kelab komputer dan dijangka beberapa tahun kemudian sekolah-sekolah di Malaysia akan mengikuti langkah negara-negara maju untuk memasuki zaman komputer (Chee, 1986).

Penggunaan komputer dalam bidang pendidikan di Malaysia giat diperkenalkan pada tahun 1990-an. Pada tahun 1997, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengorak langkah dengan mewujudkan Sekolah Bestari yang bertujuan untuk membantu mencapai Falsafah Pendidikan Negara serta matlamat Wawasan 2020 (Smart School Flagship Application, 1997a). Menurut Siti (1997), Sekolah Bestari merupakan satu Institut pembelajaran yang telah direka semula secara menyeluruh dari segi amalan pengajaran, pembelajaran dan pengurusan sekolah untuk menyediakan pelajar dalam zaman teknologi maklumat. Konsep Sekolah Bestari banyak melakukan perubahan dari segi amalan dan budaya yang telah dirancang dan dijalankan dalam pelaksanaan fasa perintis sekolah Bestari. Salah satu perubahan yang ketara ialah dalam proses

pengajaran dan pembelajaran (P & P) di mana teknologi digunakan sebagai pemangkin. Teknologi digunakan untuk membantu guru dan pelajar memperoleh maklumat daripada pelbagai sumber luaran sama ada melalui jaringan kawasan tempatan, jaringan kawasan luas atau pun rangkaian terbuka seperti internet (Smart School Flagship Application, 1997b).

Peranan guru sekolah Bestari telah berubah iaitu daripada hanya sebagai penyebar maklumat beralih kepada pembimbing dan fasilitator dalam proses P & P. Kemahiran serta kreativiti dalam membuat keputusan dan penilaian menjadi semakin penting untuk dikuasai. Selain daripada isu teknologi perisian dan perkakasan, guru yang menggunakan komputer dalam P & P perlu mahir dalam isu seperti menampung perubahan, mengelola rutin makmal/bilik darjah dan memahami pencapaian pelajar (Cumming, 1999).

Menurut Swan dan Mitrani (1993), integrasi komputer dalam P & P boleh meningkatkan interaksi guru dan pelajar. P & P lebih berpusatkan pelajar dan lebih 'individualized' berbanding dengan P & P tradisional. Pelajar bebas menentukan kawalan pembelajaran mereka. Pada masa ini, guru dilihat lebih berperanan sebagai pengarah dan mengawal pembelajaran agar pelajar dapat membuat keputusan dan mengawal pembelajaran sendiri atau dengan kata lain guru perlu pastikan bahawa satu konteks yang sesuai dengan matlamat yang jelas ditawarkan kepada pelajar supaya mereka membabitkan diri dalam penjelajahan seterusnya (Taylor, 1998). Kaedah P & P seperti ini akan terlaksana di sekolah Bestari dan akan lebih berkesan melalui kawalan integrasi komputer yang efektif.

Pengurusan integrasi komputer secara berkesan dan cekap akan memastikan pelaksanaan integrasi komputer yang efektif. Persoalannya ialah, pengurusan jenis apakah yang sesuai bagi guru-guru menjayakan integrasi komputer? Menurut Sherman (1981), terdapat dua jenis pengurusan integrasi komputer iaitu reaktif dan proaktif. Pengurusan jenis reaktif ialah teknik membanteras atau mengurangkan masalah semasa

P & P. walaupun begitu, pengurusan jenis ini dilihat tidak memadai menghasilkan pengurusan integrasi komputer yang efektif. Manakala, pengurusan jenis proaktif yang mana memberi perhatian kepada persekitaran pembelajaran dan interaksi antara komponen-komponen pembelajaran dilihat lebih efektif kerana hasil pembelajaran dapat dikenal pasti dan dirancang secara spesifik. Jelas disini, untuk melaksanakan integrasi komputer yang cekap dan berkesan perancangan sistematik termasuk membuat keputusan, meramal perlakuan pelajar serta pengelolaan sumber harus diberi perhatian wajar.

Memandangkan P & P dalam sekolah Bestari menggunakan komputer sebagai pemangkin, selain perlu mahir terhadap pengurusan peralatan integrasi komputer, ia juga membabitkan pengurusan manusia yakni pelajar. Oleh itu fungsi pengurusan yang sesuai ialah yang melibatkan perancangan, pengelolaan, pemimpinan dan kawalan integrasi komputer. Terdapat juga pengurus-pengurus pendidikan menggunakan fungsi-fungsi tersebut sebagai landasan atau panduan untuk mereka melaksanakan tugas-tugas rutin mereka (Jamaludin, 1998). Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan fungsi-fungsi pengurusan tersebut sebagai rangka rujukan dalam mengukur kemampuan mengurus integrasi komputer dalam kalangan guru-guru Sekolah Bestari di negeri Sabah. Hasil perbincangan di atas, didapati guru sekolah Bestari perlu mempunyai empat jenis kemampuan untuk menjalankan tugas mereka sebagai pengurus integrasi komputer. Antaranya ialah :

a. Kemampuan merancang integrasi komputer

Kebolehan dan keupayaan menetapkan objektif/matlamat integrasi komputer dan memutuskan tugas dan penggunaan sumber untuk mencapainya. Ia juga merangkumi kemampuan guru membuat keputusan-keputusan yang menuntut pemikiran kreatif dan kritis terhadap aktiviti-aktiviti yang kurang berstruktur dan luas bidangnya. Perancangan adalah proses yang kritis bagi sesuatu tugas. Ini perlu untuk mengelakkan kesilapan,

pembaziran, dan kelewatan. Dalam perancangan integrasi komputer, guru perlu menentukan objektif integrasi komputer, menilai persekitaran dan mengembangkan strategi keseluruhan untuk mencapai objektif tersebut.

b. Kemampuan mengelola integrasi komputer

Kebolehan dan keupayaan Mengenal pasti tugas dan sumber yang berkaitan supaya perancangan integrasi komputer dapat dilaksanakan dengan sempurna. Keputusan-keputusan bersabit dengan pengelolaan integrasi komputer menuntut pemahaman yang mendalam terhadap persekitaran dan agihan tanggungjawab untuk merealisasikan objektif integrasi komputer. Jika perancangan membekalkan suatu permulaan, maka pengelolaan menjadikannya suatu kenyataan. Dalam proses pengelolaan integrasi komputer, guru perlu menentukan dan menyusun tugas-tugas ke dalam suatu rangka atau struktur yang mengenal pasti tugas bersama orang yang bertanggungjawab secara jelas.

c. Kemampuan Memimpin integrasi komputer

Kebolehan dan keupayaan menggunakan pengaruh untuk mendorong pelajar mencapai matlamat integrasi komputer. Ini berkaitan dengan kemahiran-kemahiran dengan manusia seperti memberi galakan, sokongan dan sebagainya. Kepemimpinan integrasi komputer membabitkan kerja-kerja yang kompleks kerana keputusan yang bersabit dengannya menuntut pendekatan yang kreatif terhadap masalah yang tidak dapat dikuantifikasikan.

d. Kemampuan mengawal integrasi komputer

Kebolehan dan keupayaan memantau aktiviti integrasi komputer supaya menepati objektif dan mengambil tindakan pembetulan serta pembaikan. Selalunya, kawalan membabitkan pengambilan keputusan yang berstruktur walaupun proses yang terlibat

mungkin kompleks, terutamanya apabila mengambil tindakan pembetulan. Tanpa kawalan, guru tidak akan mengetahui sama ada tugas-tugas yang dirancang dan dilaksanakan adalah cekap atau berkesan. Kawalan merupakan mekanisme pemandu yang menghubungkan kesemua fungsi sebelumnya iaitu perancangan, pengelolaan dan pemimpinan. Maklum balas daripada kawalan harus menunjukkan sama ada tindakan pembaikan diperlukan atau sebaliknya (Dubrin et al, 1989).

Menurut Plunkett dan Attner (1994), Draft (1997) dan Stoner, Freeman dan Gilbert Jr. (1995), langkah-langkah atau komponen dalam proses perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan kawalan adalah seperti berikut :

i. Kemampuan Merancang

1. Menentukan objektif
2. Menganalisis dan menilai persekitaran
3. Mengenali strategi alternatif
4. Menilai strategi terbaik
5. Melaksanakan rancangan
6. Mengawal dan menilai hasil

ii. Memampuan Mengelola

1. Menyemak rancangan dan matlamat
2. Menentukan aktiviti
3. Mengelas dan mengumpul aktiviti
4. Menyerahkan tugas dan mewakili autoriti
5. Membentuk heirarki

iii. Kemampuan Memimpin

1. Memberi motivasi
2. Memberi kepimpinan

3. Membina pasukan dan kerja pasukan
4. Menggalakkan komunikasi dan perundingan

iv. Kemampuan Mengawal

1. Menetapkan piawai prestasi
2. Mengukur prestasi
3. Membandingkan prestasi yang diukur dengan piawai prestasi
4. Mengambil tindakan pembetulan

1.3 Pernyataan Masalah

Integrasi komputer dilihat akan memudahkan tugas atau rutin kerja guru-guru di sekolah bestari dalam mengendalikan proses P & P. Namun ia juga dilihat boleh membebankan guru-guru yang tidak bersedia dari segi sikap, kepercayaan, pengetahuan, kebolehan dan keupayaan dalam mengendalikan teknologi maklumat. Integrasi komputer dalam P & P oleh guru-guru adalah kompleks, memakan masa dan memerlukan mereka mempelajari peranan-peranan baru sambil melupakan peranan-peranan yang lama (Van Den Akker et al., 1992). Walaupun begitu, adakah latihan atau kursus dalaman yang dihadiri oleh guru-guru berkesan untuk mengurus integrasi komputer merupakan satu persoalan. Sementara itu menurut Parks dan Pisapia (1994), mengintegrasikan komputer dalam P & P merupakan satu usaha yang memerlukan masa yang panjang dan guru-guru perlu dilatih secara formal dalam operasi asas komputer, integrasi perisian dalam pelajaran, integrasi pengajaran berasaskan teknologi ke dalam kurikulum, pengurusan aktiviti bilik darjah dan aspek-aspek teknologi pendidikan yang berkaitan dengan sokongan pihak pentadbir dan teknikal. Guru perlu mampu mengurus persekitaran pembelajaran seperti merancang pengalaman pembelajaran untuk pelajar, memilih dan mengelola aktiviti yang bersesuaian, mendorong pelajar, membina interaksi dan lain-lain. Kemahiran tersebut perlu disesuaikan dalam persekitaran yang berasaskan komputer (Bernard, 1995).

Kemahiran ini juga dilihat dapat mengurangkan masalah-masalah yang akan timbul semasa guru mengurus integrasi komputer semasa proses P & P. Jelaslah di sini bahawa guru-guru di sekolah menengah mempunyai cabaran yang tinggi dalam mengendalikan proses P & P dalam kelas yang berorientasikan komputer. Selain perlu mahir dengan bidang pedagogi dan psikologi pelajar, guru juga perlu memiliki kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan mengurus atau mengendalikan komputer terutama kemahiran merancang dan mengurus aktiviti P & P berorientasikan komputer.

1.4 Soalan Kajian

Merujuk kepada pernyataan masalah di atas, terdapat beberapa persoalan kajian mengenai kemampuan mengurus integrasi komputer guru-guru Sekolah Bestari di negeri Sabah.

1. Adakah terdapat perbezaan kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan jantina?
2. Adakah terdapat perbezaan kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan umur?
3. Adakah terdapat perbezaan kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan pengkhususan?
4. Adakah terdapat perbezaan kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan status jawatan?
5. Adakah terdapat perbezaan kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan pengalaman mengajar?
6. Adakah terdapat hubungan antara latihan komputer dengan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan beberapa persoalan kajian di atas, dikemukakan beberapa objektif kajian mengenai kemampuan mengurus integrasi komputer guru-guru Sekolah Bestari di negeri Sabah.

1. Menenal pasti perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan jantina.
2. Menenal pasti perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan umur.
3. Menenal pasti perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan pengkhususan.
4. Menenal pasti perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan status jawatan.
5. Menenal pasti perbezaan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan pengalaman mengajar.
6. Menenal pasti hubungan antara faktor latihan dengan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer.

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, beberapa tanggapan awal telah dibina terhadap masalah yang dikaji. Jawapan atau saranan sementara ini dinyatakan sebagai hipotesis nol (H_0). Hipotesis nol ialah hipotesis yang negatif atau tiada perbezaan atau tiada hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah. Hipotesis-hipotesis terhadap kajian ini adalah seperti berikut:

H_0^1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan jantina.


Ho² : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan umur.

Ho³ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan pengkhususan.

Ho⁴ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan status jawatan.

Ho⁵ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer berdasarkan kategori pengalaman mengajar.

Ho⁶ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor latihan dengan tahap kemampuan mengurus integrasi komputer.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.7 Definisi Operasional

Integrasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada sebarang aplikasi atau penggunaan komputer (perisian multimedia dan perkhidmatan internet) dan komputer digunakan untuk membekal atau menyokong isi kandungan yang sesuai untuk memudahkan proses P & P.

Pengurusan didefinisikan oleh Dubrin, Ireland dan Wiliams (1989) sebagai proses yang menggunakan sumber-sumber organisasi untuk mencapai objektif spesifik melalui empat fungsi iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan kawalan. Sumber-sumber yang dimaksudkan terdiri daripada sumber manusia (murid, guru dan staf), sumber

kewangan (yuran, peruntukan sekolah, aset sekolah), sumber fizikal (bangunan, makmal, perpustakaan) dan sumber teknologi (alatan dan proses menggunakan kepakaran teknologi). Dalam bidang pendidikan, Davies (1971) pula mentakrifkan tugas seorang guru selaku pengurus pembelajaran melalui empat fungsi yang dilaksanakan guru: perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan kawalan.

Terdapat tiga pendekatan dalam bidang pengurusan iaitu Pendekatan klasik, Pendekatan Perlakuan dan Pendekatan Sains pengurusan. Pendekatan klasik merujuk kepada kerja dan organisasi yang menyarankan perancangan, pengelolaan dan kawalan sebagai fungsi-fungsi utamanya. Pendekatan perlakuan pula berkaitan dengan pengurusan manusia yang mengutamakan kepimpinan. Seterusnya, pendekatan sains pengurusan adalah yang berkaitan dengan pengeluaran dan pengendalian. Dalam pengurusan ini menyarankan pengelolaan dan kawalan sebagai fungsi-fungsi utamanya (Donnelly etl, 1992).

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui dan mengenal pasti tahap kemampuan mengurus integrasi komputer dalam kalangan guru-guru Sekolah Bestari di Sabah. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada guru-guru serta pengurus sekolah dalam usaha memudahkan pengurusan integrasi komputer khususnya dalam P & P dengan lebih efektif. Kajian ini juga boleh digunakan oleh sekolah-sekolah yang akan dibestarikan pada masa akan datang sebagai panduan untuk mengurus integrasi komputer dalam P & P. Selain itu, kajian ini juga akan mendedahkan sedikit sebanyak tentang masalah-masalah yang dihadapi guru-guru di Sekolah Bestari dalam pengurusan integrasi komputer. Setelah masalah berkaitan dikenal pasti, pihak berkenaan seperti Bahagian Pendidikan Guru atau Jabatan Pelajaran Negeri dapat menyediakan program perkembangan staf yang lebih peka terhadap keperluan semasa guru-guru Sekolah Bestari dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran mengurus integrasi komputer.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Sekolah Bestari di negeri Sabah yang menjadi perintis kepada projek ini. Antara sekolah-sekolah yang terlibat ialah SMK Pengiran Omar (Bahagian Beaufort), SMK Tenom (Bahagian Keningau), SM Sains Sabah Kota Kinabalu (Bahagian Pantai Barat Selatan), SMK Elopura (Bahagian Sandakan) dan SM Sains Lahad Datu (Bahagian Lahad Datu). Kajian ini dilaksanakan selepas projek Sekolah Bestari dijalankan terhadap sekolah-sekolah yang terpilih. Memandangkan projek Sekolah Bestari tamat pada tahun 2003, maka hasil kajian tidak dapat mengukur sebarang peningkatan dalam kemampuan mengurus integrasi komputer pada semua guru Sekolah Bestari. Memandangkan hanya guru yang mengajar mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang diberi latihan dalaman dan telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu di maktab-maktab berkaitan, maka kajian ini hanya akan dijalankan terhadap guru-guru yang mengajar subjek-subjek tersebut yang menggunakan integrasi komputer dalam P & P. Dapatan daripada kajian ini tidak menggambarkan keadaan sebenar semua guru di sekolah berkenaan kerana yang terlibat hanyalah sebahagian kecil guru sahaja iaitu yang mengajar subjek Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

1.10 Kesimpulan

Dalam kajian ini, didapati kemahiran mengurus integrasi komputer merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru-guru yang mengajar di Sekolah Bestari memandangkan komputer digunakan secara optimum sama ada dalam P & P dan pengurusan. Semua pihak termasuk sama ada Kementerian Pendidikan, Pengurus-pengurus sekolah dan guru-guru mengambil perhatian terhadap isu ini. Penyelidik dalam kajian ini juga akan cuba untuk mencari hubungan antara faktor-faktor yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam objektif dan hipotesis kajian dengan kemampuan mengurus integrasi komputer.